

17 MAR 1999

Osu-Mahathir

OSU SUKAM JUMPA PM, BINCANG KEANGGOTAAN JEMAAH MENTERI

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah yang baru, Datuk Osu Sukam hari ini mengadakan kunjungan hormat ke atas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kesempatan itu digunakannya untuk meminta pandangan Perdana Menteri mengenai barisan baru kabinet Sabah.

Ketika ditemui selepas pertemuan tertutup selama hampir sejam di Jabatan Perdana Menteri hari ini, Osu berkata beliau juga telah berbincang dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu pentadbiran di negeri itu.

"Kita bincang soal pentadbiran, minta nasihat dan pandangan beliau," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir menyerahkan sepenuhnya kepada beliau untuk memilih anggota jemaah kabinet negeri itu yang pengumuman serta majlis mengangkat sumpah jawatan akan diadakan Sabtu ini.

Osu, yang mengangkat sumpah jawatannya Isnin lepas berkata, senarai nama-nama calon yang akan lantik belum diputuskannya lagi.

Osu, Ketua Menteri ke-12 Sabah, menggantikan Tan Sri Bernard Dompok yang gagal mempertahankan kerusi Moyog pada pilihan raya negeri itu.

Ketika ditanya mengenai desas-desus kemungkinan Dompok dilantik anggota Dewan Negara, Osu berkata soal itu terpulang kepada budi bicara Perdana Menteri.

"Tetapi kita akan guna pengalaman yang ada pada setiap pemimpin di Sabah untuk kebaikan masa depan rakyat dan kerajaan BN di Sabah.

"Sama ada (Dompok) dilantik atau tidak itu soal kedua. Yang penting mereka (Dompok dan bekas pemimpin lain) sanggup menggunakan pengalaman yang ada untuk kepentingan BN," katanya.

Osu berkata beliau juga akan mengumumkan secara terperinci program yang telah beliau rancang untuk Sabah selepas mesyuarat pertama kabinet itu minggu depan.

Bagaimanapun, katanya, tumpuan utama akan diberi kepada soal pembasmian kemiskinan kerana Sabah adalah antara negeri yang mempunyai paling ramai penduduk luar bandar yang miskin.

"Fokus kedua ialah pembangunan luar bandar. Sabah, sebagai negeri yang cukup besar, perlu diberi perhatian dari segi pembangunan supaya dalam pilihan raya akan datang, soal sentimen perkauman (yang dibangkitkan semasa pilihan raya) boleh diatasi," katanya.

Mengenai dakwaan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan bahawa ada calon BN yang menang kerana terdapatnya pengundi hantu, beliau berkata : "Bila sudah kalah, cakap macam-macamlah untuk mencari alasan kerana sebelum itu, dia sudah berkata bahawa PBS akan menang.

"Jangan dengar cakap orang yang dah kalah. Mereka boleh jumpa kita lima tahun lagi," katanya.

-- BERNAMA

RA LAT